

Tarikh Dibaca: 10 Oktober 2025M | 18 Rabi'ul Akhir 1447H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“DOA: SENJATA RAHSIA MUKMIN”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

“DOA: SENJATA RAHSIA MUKMIN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ¹.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Para jemaah

¹ Al-Baqarah: 186.

² Ali-Imran: 102.

diingatkan supaya jangan berbual-bual dan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk **"DOA: SENJATA RAHSIA MUKMIN"**.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Hari ini, bumi Palestin masih bersimbah darah. Anak-anak kecil syahid di pangkuan ibu. Isteri kehilangan suaminya. Anak menangisi pemergian bapanya. Rumah-rumah musnah, masjid dijadikan sasaran, dan hospital dikepung tanpa belas kasihan. Gaza, yang disebut sebagai penjara terbuka terbesar di dunia, kini menjadi saksi kezaliman yang tidak berhenti sejak lebih 70 tahun.

Sejak tahun 1948, rakyat Palestin diusir dari tanah air mereka melalui tragedi Nakbah, diikuti dengan siri penjajahan Zionis yang merampas tanah demi tanah, dari al-Quds, Hebron, hingga Gaza. Mereka berhadapan dengan satu projek penjajahan yang mahu menghapuskan etnik, menghancurkan kemanusiaan, dan merendahkan kesucian Islam.

Betapa dahsyatnya penyeksaan yang mereka terima, sehingga digambarkan oleh sasterawan Palestin, Mahmoud Darwish dalam puisinya:

"Seseorang hanya boleh lahir di satu tanah, namun boleh "mati" berkali di pelbagai arah di pengasingan yang dingin, di penjara yang gelap, dan di tanah air yang hilang harap. Syurga kenangan yang kini berubah, menjadi mimpi ngeri atas nama jajah dan jarah."

Namun, wahai umat Islam, di sebalik runtuh bangunan dan kesunyian malam yang dihujani ratusan peluru, masih ada zikir keramat yang bergema

dari bibir rakyat Palestin: "*Hasbunallahu wa ni'mal wakil.*" (Cukuplah Allah sebagai sebaik-baik Penolong). Mereka tidak memiliki jet pejuang atau senjata moden, tetapi mereka memiliki senjata yang tidak dapat dikalahkan oleh mana-mana kuasa dunia iaitu doa.

Sidang Muslimin yang berbahagia,

Doa adalah pusat utama dalam ibadah. Malah lebih daripada itu, ia merupakan kunci kepada segala kebaikan dan penghalang kepada segala keburukan. Ia menjadi tali penghubung antara hamba dan Tuhannya, tempat segala harapan dikembalikan ketika tiada lagi jalan di hadapan.

Perhatikan bagaimana Nabi Zakaria *Alaihissalam* memohon kepada Allah SWT agar dikurniakan zuriat yang soleh, sedangkan isterinya mandul dan usia mereka telah lanjut. Dalam keadaan mustahil pada pandangan manusia, Baginda tetap berdoa dengan penuh yakin sepertimana terdapat dalam surah Ali 'Imran ayat 38 :

رَبِّ هَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً إِنَّكَ سَمِيعُ الدُّعَاءِ.

"Wahai Tuhanku, kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu keturunan yang baik! Sesungguhnya Engkau sentiasa Mendengar (menerima) doa permohonan."

Doa itu akhirnya dimakbulkan. Allah SWT mengurniakaninya seorang anak yang soleh, Nabi Yahya *Alaihissalam*, sebagai tanda bahawa tidak ada yang mustahil bagi Allah SWT apabila seorang hamba benar-benar yakin dan berserah. Begitu juga Nabi Luth *Alaihissalam*, tatkala kaumnya tenggelam dalam maksiat dan tidak lagi mendengar seruan dakwahnya. Dalam keperitan

usaha dakwah yang diabai kaumnya, Baginda menadah tangan, memohon perlindungan Allah SWT sepertimana terdapat dalam surah al-Syu'ara' ayat 169:

رَبِّ نَجِّنِي وَأَهْلِي مِمَّا يَعْمَلُونَ.

"Wahai Tuhanku, selamatkanlah aku, keluargaku dan para pengikutku daripada perbuatan yang dilakukan oleh golongan (yang jahat) itu!"

Allah SWT menyelamatkannya daripada azab yang menimpa kaumnya. Demikianlah doa, senjata tanpa suara yang membelah segala keangkuhan dunia.

Oleh itu, jangan sekali-kali kita meremehkan kekuatan doa, dan jangan cepat berputus asa bila belum nampak hasilnya. Sesungguhnya, kelewatan bukan bererti penolakan. Adakalanya, Allah SWT menangguhkan untuk memberi yang lebih baik daripada apa yang kita minta.

Rasulullah SAW ada menyebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radiallahuanhu* bahawa Baginda SAW bersabda:

مَا مِنْ مُؤْمِنٍ يَنْصِبُ وَجْهَهُ إِلَى اللَّهِ يَسْأَلُهُ مَسْأَلَةً إِلَّا أَعْطَاهُ إِيَّاهَا، إِمَّا عَجَّلَهَا لَهُ فِي الدُّنْيَا، وَإِمَّا ذَخَرَهَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ، مَا

لَمْ يَعْجَلْ. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا عَجَلْتُهُ؟ قَالَ: يَقُولُ:
دَعَوْتُ وَدَعَوْتُ وَلَا أَرَاهُ يُسْتَجَابُ لِي.

"Tidak ada seorang mukmin pun yang menghadapkan wajahnya kepada Allah lalu memohon sesuatu kepada-Nya, melainkan Allah akan memberikannya sama ada Allah mempercepatkan baginya di dunia, atau menyimpannya untuknya di akhirat selama mana dia tidak tergopoh-gopoh."
Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah maksud tergopoh-gopoh itu?" Baginda menjawab: "Dia mengeluh: Aku telah berdoa dan berdoa, tetapi aku tidak melihat doaku diperkenankan."

(Riwayat al-Bukhari).

Begitulah sidang jemaah sekalian, Jika saudara kita di sana pun masih tidak putus-putus berdoa walau di bawah runtuh bangunan, di celah tangisan anak-anak, dengan keyakinan bahawa doa mereka tidak sia-sia di sisi Tuhan Yang Maha Mendengar, mengapa kita mudah mengeluh dengan doa kita sendiri?

Maka, jangan berhenti berdoa untuk saudara kita di Palestin. Kerana doa adalah tanda kita masih percaya, masih berharap, dan masih hidup dalam naungan kasih Allah SWT.

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Kini dunia semakin tersedar dari lena yang panjang. Dari Nusantara hingga ke Eropah, dari Afrika hingga ke Amerika, jutaan manusia merentasi agama dan bangsa mula bangkit. Mereka tidak lagi sanggup berdiam diri di hadapan kezaliman yang menjerut leher kemanusiaan. Mereka membawa

panji solidariti, menuntut keadilan buat rakyat Palestin yang dizalimi tanpa belas kasihan.

Dalam masa yang sama, berdirilah para sukarelawan dan aktivis kemanusiaan dari seluruh dunia yang bergabung menempuh lautan Mediterranean berbekalkan perisai yang ditakuti Zionis Israel iaitu keberanian, tekad dan doa.

Dunia menyaksikan sendiri bahawa mereka hanya berlayar untuk memberi makan kepada yang lapar, merawat yang cedera, dan mengembalikan maruah yang dirampas. Tindakan pengecut Zionis Israel memintas dan menahan misi kemanusiaan di perairan antarabangsa jelas adalah satu jenayah terang-terangan. Ia melanggar Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982 iaitu undang-undang antarabangsa yang menjamin kebebasan pelayaran bagi kapal misi kemanusiaan.

Maka, marilah kita teruskan berdoa. Jangan biarkan kezaliman ini mematahkan semangat dan harapan kita. Teruslah bergantung kepada Allah SWT, Tuhan yang Maha Mendengar rintihan hamba-hamba-Nya kerana doa yang tulus dari hati orang yang beriman lebih tajam daripada senjata dan mampu merubah haluan sejarah.

Hadirin yang dikasihi Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini marilah kita mengambil pengajaran yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan kita, iaitu:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa doa adalah senjata paling kuat bagi orang beriman. Ia bukan sekadar lafaz di bibir, tetapi tanda kebergantungan dan kekuatan jiwa.

2. Umat Islam hendaklah memahami bahawa doa bukan alasan untuk berdiam diri, tetapi seruan untuk bertindak. Doa yang tulus mesti diiringi usaha dan tanggungjawab.

3. Umat Islam hendaklah bangkit daripada kelalaian dan tidak membiarkan penderitaan Palestin berlalu tanpa keprihatinan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ.

"Wahai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara kebajikan) dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih daripada kesabaran musuh di medan perjuangan) serta tetaplah bersiap sedia (dengan kekuatan pertahanan di perbatasan negerimu) dan bertakwalah kepada Allah mudah-mudahan kamu berjaya (mencapai kemenangan)."

(Surah Ali Imran :200).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ، هَدَى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.³

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

³ Al-Ahzab: 56.

اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ،
وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاَجْعَلْ هٰذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلَاةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا
فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُوْمِ سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَعَكَوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ

عُمْرُهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum*. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Engkau bantulah saudara-saudara kami di Palestin yang sedang bertarung dengan kelaparan, kekurangan bekalan air bersih, tekanan kehidupan dan masalah kesihatan yang sangat kritikal.

Ya Allah! Sesungguhnya kami memohon dengan keagungan nama-nama-Mu, dengan sifat-Mu yang Maha Perkasa dan Maha Melindungi. Engkau selamatkanlah pasukan sukarelawan seramai 9 orang yang baru ditahan oleh tentera Zionis Israel.

Ya Allah! permudahkanlah urusan pembebasan mereka dan kembalikanlah mereka dengan selamat ke tanah air.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.⁴
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁵
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁶
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁴ Al-Furqan: 74.

⁵ Al-Baqarah: 201.

⁶ Al-Nahl: 90.